

03 OCT 2002

Parlimen-Masa

ANGGOTA 'LAJU' BAHAS BAJET 2003 DI HARI TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Hari ini ialah hari terakhir daripada lapan hari bagi Dewan Rakyat membahaskan Bajet 2003, menyebabkan anggota-anggotanya mengemukakan hujah dengan begitu laju.

Ini kerana mereka diberikan masa 10 minit saja untuk membahaskan Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan pada 20 Sept lepas.

Bagi mereka yang diberi peluang untuk berucap hari ini, kesempatan itu digunakan sepenuhnya.

Pada awal sesi perbahasan minggu lepas, tempoh 10 minit itu tidak dikuatkuasakan sehinggakan ada anggota yang berucap panjang dan berpeluang menyentuh pelbagai perkara.

Bukan itu sahaja, anggota Parlimen yang berpeluang berucap sebelum ini juga sempat membenarkan anggota Parlimen lain untuk mencelah meminta penjelasan yang kadangkala menyebabkan berlakunya pertikaman lidah dan persidangan menjadi kecoh.

Namun hari ini, sesi perbahasan rata-ratanya menyaksikan anggota Parlimen menumpukan sepenuhnya perhatian kepada ucapan, dan kebanyakannya membaca, bukan berbahas dalam erti kata sebenar.

Kerana masa yang singkat, terdapat juga anggota Parlimen yang membaca ucapan mereka dengan laju sehingga kadangkala menyukarkan wartawan memahami apa yang hendak disampaikan.

Anggota Parlimen turut menjadi "kedekut masa" kerana tidak memberi peluang kepada rakan anggota untuk mencelah meminta penjelasan.

Antara anggota yang berucap hari ini, Datuk Mohamad Ali Hassan (BN-Tebrau) pada awal-awal ucapannya telah memberitahu Timbalan Speaker Datuk Muhammad Abdullah, yang mempengerusikan persidangan masa itu, bahawa beliau tidak akan membenarkan sesiapa mencelah.

Tanpa menghiraukan desakan "jiran terdekatnya" Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) yang bangun sebanyak empat kali meminta izin untuk mencelah, Mohamad Ali dengan spontan berkata: "Minta maaf Datuk, saya tidak cukup masa. Lagipun saya takut terlupa (apa yang hendak diucapkan)."

Begitu juga dengan Datuk Napsiah Omar (BN-Kuala Pilah) yang menyatakan perbincangan mengenai apa yang diucapkannya boleh dilakukan di luar dewan sambil minum kopi apabila Ismail Noh (PAS-Pasir Mas) bangun meminta izin untuk mencelah.

Muhammad, semasa ditemui Bernama, berkata pengerusi persidangan boleh menghadkan masa perbahasan apabila mendapati masih ramai anggota yang ingin berucap.

Katanya walaupun tempoh perbahasan telah ditetapkan untuk lapan hari, agak sukar bagi pengerusi untuk menghadkan masa pada minggu pertama kerana tidak semua anggota yang hendak berucap bangun pada masa itu.

"Kita pula memberi peluang dan masa yang lebih panjang kepada pemimpin tertentu seperti Ketua Pembangkang untuk berucap," katanya.

Selama lapan hari perbahasan Bajet 2003, ia disertai oleh 70 anggota dewan.

-- BERNAMA

HS HS MAI